

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

RUJUKAN : BL 3 [PR-1351-T00301]

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan senarai lokasi dan saiz tanah yang telah dijual oleh DBKL kepada pihak swasta sejak tahun 2013. Nyatakan justifikasi Kerajaan menjual 16 atau lebih kepingan tanah kepada Syarikat Aset Kayangan Sdn. Bhd. dan anak syarikatnya tanpa tender terbuka.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh, sebanyak 33 lot tanah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkeluasan 161.15 ekar di sekitar Kuala Lumpur telah dijual kepada pihak swasta untuk tujuan pembangunan dari tahun 2013 sehingga 31 Disember 2016.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh juga, berdasarkan semakan dari rekod DBKL, tidak terdapat mana-mana tanah DBKL yang telah dijual kepada Syarikat Aset Kayangan Sdn. Bhd. atau kepada anak syarikat berkenaan.